

CIMB-Principal sasar kutipan RM150 juta

SOFYAN RIZAL ISHAK

CIMB-Principal Asset Management Sdn Bhd (CIMB-Principal) mensasarkan kutipan RM150 juta menerusi produk dana terbaru di kenali CIMB-Principal China Recovery Structured Fund di mana ia mengambil peluang daripada pemulihan ekonomi negara China.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J Campbell Tupling berkata, sentimen di China bertambah baik secara perlahan-lahan dengan pelan rangsangan sebanyak USD585 bilion.

"Perkembangan positif ini dapat dilihat dalam sektor utama merangkumi infrastruktur, perumahan, inovasi, kesihatan dan pendidikan di mana ia akan membolehkan China mencapai satu potensi pertumbuhan tinggi.

"Dana ini memberi pelabur pendapatan tetap lebih daripada tempoh dana dan berkemungkinan berpotensi bagi menyediakan pulangan lebih tinggi berbanding kadar Deposit Tetap terkini," katanya pada majlis pelancaran dana tersebut di Kuala Lumpur, semalam.

Dana hampir lima tahun berakhir itu akan dilaburkan sekurang-kurangnya 95 peratus daripada Nilai Aset Bersih (NAV) kepada China Recovery Structured Product,

manakala lima peratus lagi akan dilaburkan dalam aset tunai untuk tujuan mudah tunai.

CIMB-Principal China Recovery Structured Fund meluluskan saiz dana 300 juta unit dengan harga tawaran awal RM0.50 seunit. Ia dijangka berpotensi untuk mendapatkan keuntungan sebanyak tujuh peratus berdasarkan CIMB-Isovol China Index.

Menurut Tupling, terdapat tiga ciri utama dana berpandukan kepada pemulihan ekonomi negara China itu di mana ciri pertama adalah dana tersebut menawarkan perlindungan modal jika ia berpegang kepada kematangan.

"Kedua, ia mengurangkan dilema pelabur-pelabur untuk memasuki pasaran di mana dana itu secara automatik akan memilih aras permulaan bulanan terendah dan ketiga, dana itu memberi pelabur-pelabur pilihan untuk menyekat keluar dan wang tunai di luar keuntungan tahunan untuk menghapuskan risiko pada peringkat kematangan," katanya.

CIMB-Principal menganggarkan pertumbuhan Kutipan Dalam Negeri Kasar (KDNC) negara China akan berada pada tahap 7.6 peratus bagi tahun ini berdasarkan kepada perbelanjaan rangsangan yang dikeluarkan oleh mereka.



● (Dari kiri) Tupling, Ketua Perbankan Runcit CIMB, Peter England dan Ketua Pegawai Pelaburan CIMB-Principal, Raymond Tang pada majlis pelancaran CIMB-Principal China Recovery Structured Fund di Kuala Lumpur, semalam.

Pelabur boleh menjangkakan tinjauan lebih baik untuk China dalam tahun ini di mana kebanyakan pihak berpandangan bahawa China akan menjadi satu daripada ekonomi pertama untuk pulih.

CIMB-Principal China Recovery

Structured Fund adalah terbuka untuk pelaburan selama 45 hari dan akan ditutup pada 3 Jun ini mana ia akan dikeluarkan oleh CIMB Bank, CIMB Private Banking, CIMB Investment Bank dan CIMB Wealth Advisors.